

Komputer pertama buatan Malaysia dilancar

# Terokai bidang baru—PM

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta usahawan negara ini lebih berani 'melabur' di bidang teknologi tinggi, terutama yang belum diterokai oleh pengusaha lain.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata usahawan tempatan mesti berani membeli teknologi dari negara asing dan tidak seharusnya mengharapkan teknologi itu datang secara menggolek.

Ketika melancarkan komputer peribadi pertama buatan Malaysia, *Accent 2001*, beliau berkata, pengusaha negara ini tidak boleh bersungut jika negara asing tidak mahu memindahkan teknologi mereka.

"Seperti mereka, kita sendiri tidak akan menyerahkan kepakaran kita dengan mudah kepada orang lain. Oleh itu, kita tidak boleh mengharapkan proses pemindahan teknologi datang secara menggolek tanpa mengusahanya sendiri," tambahnya.

Perdana Menteri berkata, walaupun negara asing mahu memindahkan teknologi mereka, tetapi pemindahan itu tidaklah sepenuhnya dan mungkin hanya 90 peratus sahaja.

*Accent 2001* dibuat oleh Accent Technology Sdn Bhd dan diedar oleh Kompusat Sdn Bhd, kedua-duanya anak syarikat Melewar Corporation yang membeli teknologi dan hak mengeluarkan komputer serta alat-alat komponen dari Accent Technology Inc. Amerika Syarikat.

## Harus dicontohi

Perdana Menteri berkata, langkah syarikat itu seharusnya dicontohi oleh pengusaha lain dengan meneroka di bidang yang baru, terutama dalam industri teknologi tinggi.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin rakyat negara ini juga boleh berjaya jika mereka bersungguh-sungguh dan menumpukan segala usaha dan fikiran terhadap usaha yang dilakukan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri kesal dengan sikap tamak pihak-pihak tertentu kerana tidak mahu menyebarkan pengetahuan atau kepakaran mereka

kepada orang lain.

Katanya, sikap seumpama itu sering diamalkan oleh masyarakat negara ini seperti seorang bomoh yang tahu cara mengubati sesuatu penyakit tetapi tidak mahu memberitahu orang lain.

Perdana Menteri berkata, sikap seumpama itu boleh merugikan rakyat dan negara sendiri kerana teknologi itu tidak dapat dipindahkan kepada orang lain.

## Pelabur

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan Melewar Corporation, Tunku Iskandar Tunku Abdullah meminta pelabur-pelabur lain turut membabitkan diri dalam industri elektronik bagi membantu kerajaan meningkatkan industri itu.

Mengenai pengeluaran komputer *Accent 2001* beliau berkata, syarikat itu mampu memasang 5,000 unit setahun mulai tahun depan.